

07 NOV 1998

MUSTAPA-BANK DUNIA/I

M'SIA RAMAL KEMAJUAN DLM PERBINCANGAN PINJAMAN DGN BANK DUNIA

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Baki pinjaman AS\$700.0 juta (AS\$1=RM3.80) untuk Malaysia yang masih menunggu keputusan pembayaran daripada Bank Dunia masih terus diperbincangkan oleh kedua-dua pihak, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamad hari ini.

Beliau berkata terdapat beberapa kemajuan berdasarkan kepada perbincangan yang diadakan setakat ini.

"Kami menerima kunjungan pegawai-pegawai Bank Dunia di sini sejak dua hingga tiga bulan lalu dan terdapat beberapa kemajuan. Kami masih membincangkan butiran terperinci mengenai perkara itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Kewangan dan Timbalan Bank Pusat bagi rangka Kerja Manila di sini.

Mustapa juga berkata beliau telah mengadakan sesi pertemuan dengan naib presiden Bank Dunia Jean-Michel Severino di sini, pagi ini, untuk membincangkan mengenai perkara itu. Severino, yang berada di sini bagi menghadiri mesyuarat dua hari itu, mengetuai rombongan pegawai-pegawai dari Bank Dunia.

Selain Severino, Timbalan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Stanley Fischer, dan Naib presiden Bank Pembangunan Asia Peter Sullivan turut menghadiri mesyuarat itu.

Bahagian pertama pinjaman bernilai AS\$300.0 juta daripada Bank Dunia itu diluluskan pada Jun lalu tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kemudiannya mengesahkan terdapat kelewatan bagi baki selebihnya pinjaman itu kerana Bank Dunia mahu mendapatkan gambaran jelas mengenai pengawalan tukaran wang secara selektif yang dilaksanakan oleh Malaysia.

Mustapa berkata pinjaman Bank Dunia kebanyakannya adalah pinjaman berorientasikan program dan ia akan digunakan untuk membiayai projek sosial dan membasmi kemiskinan di bahagian-bahagian pendidikan, kawasan luar bandar, kebudayaan dan kesihatan.

"Kami telah berbincang mengenai projek itu serta lokasinya. Mereka (Bank Dunia) tidak boleh mengeluarkan pinjaman dengan sewenang-wenangnya tanpa analisis yang lengkap," jelasnya.

Terdahulu dalam ucapan perasmiannya, Mustapa berkata krisis Asia Timur telah memakan masa hampir 18 bulan dan telah merebak ke Rusia serta Amerika Latin.

Justeru, beliau berkata, masyarakat kewangan antarabangsa mestilah faham pemantauan dan ketelusan yang besar yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia masih tidak mencukupi untuk menyekat krisis itu daripada merebak.

"Penyelesaian yang diperlukan adalah menyeluruh merangkumi tindakan pemulihan di peringkat kebangsaan, serantau dan global," katanya.

Beliau berkata perbincangan terhadap tindak balas dasar yang mencukupi bagi menangani krisis itu masih berterusan dan pengiktirafan terbaru oleh masyarakat antarabangsa bahawa krisis itu adalah masalah global, memberi kelegaan kepada Malaysia.

"Sudah lebih setahun kita bersuara sendirian dalam mendesak pembaharuan radikal bagi sistem kewangan antarabangsa. Kita berharap kali ini akan terdapat penyelidikan yang lebih serius bagi mencari penyelesaian global," tambahnya.

-- BERNAMA

RIZ ZK OS